

Ekonomi negara berdaya tahan

» Sistem kewangan, perbankan kini lebih kukuh



**MAHANUM
ABD AZIZ**

mahanum@bh.com.my

Tanpa asas ekonomi yang kukuh dalam berdepan ketidaktentuan ekonomi global semasa, pastinya akan memberi tamparan yang lebih besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Memang tidak dinafikan, sebagai ekonomi yang terbuka, Malaysia tidak terlepas daripada menerima tempas persekitaran ekonomi global semasa yang tidak menentu.

Namun, penampan yang dibina sejak beberapa tahun lalu, membolehkan negara ini berdepan sebarang kejutan atau krisis dengan lebih selesa berbanding sebelum ini.

Jika dibandingkan ketika negara berdepan krisis kewangan Asia pada tahun 1997/1998, kedudukan ekonomi negara kini lebih kukuh dan berdaya tahan.

Kedudukan lebih baik itu disokong oleh struktur ekonomi yang pelbagai, keadaan inflasi terkawal, kadar pengangguran rendah dan rizab antarabangsa

yang kukuh.

Malah, sistem kewangan dan perbankan negara juga kini lebih kukuh dengan tadbir urus dan amalan pengurusan risiko yang mantap.

Negara juga mempunyai pasaran modal yang kukuh dan lebih berdaya tahan untuk berdepan sebarang ketidaktentuan ekonomi.

Kedudukan mantap untuk pulih

Justeru, kedudukan ekonomi dan rizab antarabangsa yang kukuh itu meletakkan Malaysia pada kedudukan mantap untuk pulih dengan pantas dalam berdepan ketidaktentuan semasa pasaran global.

Keadaan kukuh dalam sistem kewangan, perbankan serta mempunyai pasaran modal yang mantap juga menjadikan langkah ekstrem seperti tambatan ringgit atau kawalan modal tidak sesuai dilaksanakan ketika ini bagi mengekang penurunan nilai ringgit.

Kejatuhan harga minyak mentah dan komoditi lain; pengukuhan dolar Amerika Syarikat (AS) dan pertumbuhan perlahan ekonomi China menjadi faktor luaran utama yang memberi kesan kepada nilai ringgit.

Namun begitu, Malaysia bukanlah satu-satunya negara yang

mengalami kejatuhan nilai mata wang, malah negara lain yang kaya dengan sumber asli turut berdepan situasi sama.

Apabila keadaan luaran kembali pulih dan isu domestik diselesaikan, nilai ringgit akan kembali ke paras yang mencerminkan asas ekonomi negara yang kukuh.

Pada Forum Perkembangan Terkini Ekonomi Malaysia 2015 anjuran Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) Isnin lalu, ahli panel yang terdiri daripada pegawai kanan kerajaan dan pakar ekonomi bersependapat bahawa ekonomi Malaysia mempunyai asas kukuh dan tidak akan terjerumus dalam krisis, meskipun berdepan ketidaktentuan semasa ekonomi global.

Fitch puji kerajaan

Malah, panel yang mewakili firma penarafan terkemuka antarabangsa, Fitch Ratings, Moody's Investors Services dan Standard & Poor's Services juga memuji keberanian kerajaan dalam mengambil langkah tidak popular seperti melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan penyusunan semula subsidi bahan api, meskipun berdepan cabaran dalam persekitaran politik selepas Pilihan Raya Umum Ke-13.

Bagi firma penarafan itu, faktor

luaran dilihat menjadi cabaran utama kepada Malaysia ketika ini serta menjadi penentu kepada sebarang penilaian semula penarafan mereka terhadap hutang Malaysia.

Tinjauan terhadap penarafan hutang negara masih kekal selagi kerajaan negara ini terus komited dalam konsolidasi fiskal bagi mencapai bajet berimbang menjelang tahun 2020.

Bagi risiko politik dalam negara pula, mereka menegaskan, selagi perkara itu tidak menjejaskan dasar kerajaan sehingga mendorong kerajaan untuk menarik semula langkah konsolidasi fiskal, ia tidak akan menjejaskan penarafan mereka terhadap negara ini.

Apa yang penting bagi Malaysia kini adalah untuk terus menumpukan ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Kerajaan perlu memberi fokus kepada dasar yang baik dan pada masa sama memanfaatkan bidang yang negara mempunyai kekuatan dan kelebihan.

Selagi rakyat bersatu hati, berpadu tenaga dan terus yakin dengan kemampuan negara, serta dengan izin Allah, Malaysia pasti berjaya mengharungi cabaran ekonomi semasa.